

Parti komponen BN beri kerjasama penuh

BH 13 MAR 2002
BENTONG, Selasa - Parti komponen Barisan Nasional (BN) akan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan kemenangan calonnya, Yim Ah Ha, 51, dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Yum yang sudah lama berjuang di dalam Gerakan, amat dikenali pada peringkat akar umbi dan dapat meraih sokongan pengundi kawasan itu.

"Pemilihan Yum tidak bermakna mereka yang lain yang turut dicadangkan nama sebelum ini tidak layak.

"Semua nama yang dicadangkan adalah layak, tetapi kita hanya ada satu tempat saja dan setelah parti Gerakan berunding dengan Pengerusi BN (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), nama Yum diputuskan sebagai calon," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan nama calon BN bagi pilihan raya itu di Pejabat Umno di sini, hari ini.

Adnan meminta mereka yang tidak terpilih memberi kerjasama penuh bagi menjamin kemenangan besar BN.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, menganggap Yum sebagai calon terbaik memandangkan beliau adalah anak tempatan, dilahir dan dibesarkan di kawasan itu serta berupaya memenuhi kehendak pengundi.

"Dengan semangat kerjasama yang ditunjukkan semua parti komponen BN, kita yakin calon yang dipilih ini akan mendapat sokongan penuh pengundi di Ketari," katanya.

Pengerusi MCA Pahang, Datuk Chan Kong Choy, berkata parti itu akan menggerakkan semua ahli, khasnya kira-kira 10,000 ahli di Bentong untuk membantu calon BN berkempen.